

# PAM serah sumbangan RM63,745 bantu Palestin



Presiden dan Pengurusi Pertubuhan Arkitek Malaysia, Sarizal Yusman Yusof (tiga dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada Aqsa Syarif Berhad, Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

FOTO AMIRUDIN SAHIB/BH

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), semalam, menyerahkan sumbangan RM63,745 kepada tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu meringankan

penderitaan ribuan penduduk Palestin di Gaza.

Sumbangan kepada Aqsa Syarif Berhad, Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah

Malaysia (PBSMM) diserahkan Timbalan Presiden PAM, Mohd Zulhelmee An pada Majlis Penyerahan Tabung Kemanusiaan Palestin, di sini, semalam.

Mohd Zulhelmee berkata, kutipan tabung itu dilancarkan pada majlis berbuka puasa di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pada 16 Julai lalu.

Katanya, kutipan yang dibuat selama sebulan itu mendapat sokongan yang baik daripada ahli, penaja dan pembekal PAM.

Sementara itu, Pengurus Besar Aqsa Syarif Berhad, Kamarul Zaman Shaharul Anwar, berkata sumbangan itu akan disalurkan ke Palestin dalam projek fasa kedua mereka.

"Alhamdulillah, kita berjaya mengumpul RM15 juta hasil sumbangan rakyat Malaysia yang prihatin dan sebanyak RM5 juta sudah kita salurkan ke Gaza," katanya.

Di Papat, Sabah, Ketua Pemuda UMNO Parap yang juga EXCO Pemuda UMNO, Arminian Mohd Ali menyerahkan sumbangan RM4,180.25 kepada Tabung Kemanusiaan Palestin - Media Prima.

